



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PENOLONG PEGAWAI TANAH (C.3-4 EB.5)
JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENOLONG PEGAWAI TANAH
JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang *Computing / Ekonomi Hartanah Perbandaran (Urban Land Economics) / Pelaburan dan Pembiayaan/Kewangan Hartanah (Real Estate Investment and Finance) / Pengurusan dan Pentadbiran Hartanah (Land Management and Administration) / Pengurusan Estet (Property or Real Estate Management) / Pengurusan Perniagaan (Business Management) / Pentadbiran (Administration) / Pembangunan Hartanah (Real Estate Development)* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Tanah dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Berkemahiran dalam menyediakan dan menginterperasi data dan maklumat, statistik, analisis, pemerhatian dan *critical thinking (statistical, analytical, observational & critical thinking skills)*.
 3. Berpengetahuan dalam Undang-Undang berkaitan tanah, kemajuan tanah dan hartanah.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Pegawai Tanah Kanan dan Pegawai Tanah dalam hal ehwal pentadbiran dan pengurusan tanah;
2. Membantu Pegawai Tanah menyelaras dan memproses permohonan-permohonan kemajuan dan penggunaan tanah seluruh Negara; dan
3. Membantu dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan Undang-Undang, dasar dan peraturan tanah.